

Tokio Marine jangka pertumbuhan sederhana

Oleh Zuraidah Mohamed
zmohamed@bharian.com.my

TOKIO Marine Insurans (Malaysia) Bhd (Tokio Marine), syarikat insurans am kelima terbesar di Malaysia, menasaskan pertumbuhan premium antara lima hingga 10 peratus tahun ini, meskipun persekitaran ekonomi belum pulih sepenuhnya.

Ketua Eksekutifnya, Dr Michael Heng Kiah Ngan, berkata sasaran itu dijangka melepasi kadar pertumbuhan industri yang diramalkan mencatat perkembangan antara enam hingga tujuh peratus tahun ini.

Katanya, syarikat juga akan terus meningkatkan pengukuhan jenama menerusi 22 cawangannya dengan sokongan lebih 4,000 ejen bagi menyediakan perkhidmatan dan penyelesaian insurans kepada semua sektor ekonomi.

“Kami menjangkakan pertumbuhan sederhana tahun ini, tidak seperti pertumbuhan tahun lalu memandangkan keadaan ekonomi yang dilihat masih belum pulih sepenuhnya,” katanya pada taklimat media di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Beliau berkata, syarikat mencatatkan pertumbuhan premium sebanyak 20 peratus kepada RM700 juta tahun lalu, daripada RM580 juta pada 2008, dengan anggaran operasi bersih dan keuntungan pelaburan sebelum cukai sebanyak RM80 juta.

Antara faktor lain menyumbang kepada sasaran pertumbuhan adalah aktiviti pengembangan perniagaan, keselamatan kewangan dan produk yang lebih berkualiti, katanya.

Dalam pada itu, Tokio Marine merancang untuk membuka dua lagi cawangan sebagai tambahan kepada 22 cawangan sedia ada, iaitu di Butterworth, Pulau Pinang dan Mersing, Johor awal bulan depan.

Heng berkata, syarikat kini berusaha mengurangkan komposisi segmen insurans bagi sektor permotoran yang kini menyumbang 58 peratus terhadap jumlah portfolio.

“Kami akan terus menumpukan segmen insurans permotoran, tetapi pada masa sama mempertingkatkan sumbangan perniagaan insurans bukan segmen permotoran,” katanya sambil menambah insurans bukan pemotoran termasuk insurans marin, kargo dan kemalangan peribadi.

Selain pelanggan korporat, ejen dan pelanggan pembrokeran serta syarikat pengedaran kenderaan, syarikat turut meninjau peluang terhadap syarikat lain seperti Aeon Credit dan Tune Money.

Ditanya mengenai rancangan sebarang pengambilalihan oleh Tokio Marine tahun ini, beliau berkata: “Kami sentiasa mencari peluang pengembangan yang baik. Sekiranya rancangan itu baik, kami akan memperincikan secara positif dan ia bergantung kepada pemegang saham.”

Sebelum ini, Tokio Marine mengambil alih Wing On General Insurance Bhd pada 1999, Amanah General Insurance Bhd (2002), Asia Insurance (Malaysia) Bhd (2007) dan PanGlobal Insurance Bhd tahun lalu.